0004

U B117 AAB

MAHATHIR-PERPADUAN (ULANGAN)

KUALA LUMPUR, 23 DIS (BERNAMA) -- JAWATANKUASA PENGANJUR PERHIMPUNAN MELAYU JOHOR DARUL TAKZIM HARI INI MENYAMPAIKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD RESOLUSI ENAM PERKARA BERTUJUAN MEMULIHKAN PERPADUAN MELAYU DI PEJABATNYA DI SINI.

ROMBONGAN ENAM ORANG ANGGOTA JAWATANKUASA ITU DIKETUAI OLEH PENGERUSINYA, TAN SRI DR HAJI ABDUL JALIL HAJI HASSAN JUGA MENYERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI KERTAS KERJA 47 MUKA BERTAJUK + KEPIMPINAN MELAYU JOHOR KESINAMBUNGAN PERJUANGAN BERMARTABAT+ YANG TELAH DIBENTANGKAN PADA PERHIMPUNAN ITU YANG DIADAKAN AHAD LEPAS.

PARA ANGGOTA ROMBONGAN ITU IALAH DATUK HAJI ABDUL KADIR TALIB, DR USMAN AWANG, MAJ. JEN (B) DATUK MAHMOOD SULAIMAN, DATUK RIDZUAN SALIM DAN ENCIK ZAINAL ABIDIN MOHAMED ZAIN YANG JUGA SETIAUSAHA JAWATANKUASA ITU.

ENCIK ZAINAL ABIDIN MEMBERITAHU PEMBERITA DI SINI BAHAWA PERJUMPAAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO SELAMA KIRA-KIRA 30 MINIT ITU BERJALAN DALAM SUASANA MESRA.

KATANYA, DATUK SERI MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA RESOLUSI ITU AKAN DIBAWA KE MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO UNTUK DIPERTIMBANGANKAN --LAGI

2133MST 23 12 88

0007

U B118 AAB

MAHATHIR-PERPADUAN 2 KUALA LUMPUR

ENCIK ZAINAL ABIDIN BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAI RESOLUSI ITU KERANA TIDAK MAHU MEMPENGARUHI ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI.

BELIAU JUGA BERKATA ROMBONGAN JAWATANKUASA ITU MEMOHON PERDANA MENTERI SUPAYA MEMPERTIMBANGKAN DENGAN SEWAJARNYA RESOLUSI YANG DICAPAI PADA PERHIMPUNAN YANG DIADAKAN DALAM USAHA MEMULIHKAN SEMULA PERPADUAN MELAYU.

ENAM RESOLUSI BERKENAAN IALAH:

+ DIKEMBALIKAN DAN DITERIMA SEMUA BEKAS KEAHLIAN UMNO JOHOR SECARA OTOMATIS DAN BERDAFTAR,

+ MERAKAMKAN PENERIMAAN KEPIMPINAN UMNO DI PERINGKAT KEBANGSAAN YANG TELAH DIPILIH OLEH PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA PADA 24HB. APRIL, 1987 MELALUI PRINSIP DAN AMALAN DEMOKRASI,

+ DITERIMA PRINSIP YANG SAMA UNTUK MENGEMBALIKAN KEPIMPINAN UMNO DI SEMUA PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN YANG TELAH DIBERI MANDAT DAN KEDUDUKAN DALAM TAHUN 1987, DI MANA MENGIKUT SEMANGAT MESYUARAH, MEREKA YANG TERLIBAT HENDAKLAH DIRUNDING SEHINGGA BERMULANYA MESYUARAT PEMILIHAN,

+ LANGKAH-LANGKAH POSITIF DIAMBIL BAGI DIKEMBALIKAN SEMULA PERLEMBAGAAN ASAL UMNO MENGIKUT PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN UMNO YANG ADA SEKARANG SEBAGAI ASAS KESAHIHAN KEPADA KEAHLIAN DAN KEPIMPINAN UMNO DI SEMUA PERINGKAT PERTUBUHAN ITU,

+DIAMBIL SEGALA IKHTIAR PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG UNTUK MEMASTIKAN UMNO KEKAL SEBAGI PERTUBUHAN UMNO YANG TUNGGAL DI MALAYSIA, DAN

+MEWUJUDKAN SUASANA YANG MENGGALAKKAN KEPADA PERPADUAN, MUHIBAH DAN SILATURAHIM DAN MENGHINDARKAN DARIPADA PERSELISIHAN FAHAM POLITIK --LAGI

2142MST 23 12 88